



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

LINDUNGI PMKS: KUSKOP SOKONG TINDAKAN TEGAS BENDUNG SALAH GUNA VISA SOSIAL

PUTRAJAYA, 15 Januari – Mesyuarat Jemaah Menteri telah membincangkan isu penyalahgunaan visa lawatan sosial untuk aktiviti bekerja dan berniaga secara tidak sah.

Berikutan aduan daripada peniaga-peniaga tempatan, saya telah membangkitkan perkara ini dan kerajaan telah mengarahkan agensi-agensi berkaitan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas, termasuk memperkukuh pemantauan terhadap aktiviti bekerja dan berniaga tanpa kebenaran yang sah.

Saya akan bekerjasama rapat dengan Menteri Dalam Negeri serta agensi berkaitan bagi memastikan tindakan susulan dilaksanakan dengan segera. Langkah ini penting bagi melindungi PMKS dan peniaga kecil tempatan serta memastikan ekosistem keusahawanan negara kekal teratur dan berdaya saing.

Malaysia mengalu-alukan kehadiran pelancong dan pelabur ke negara ini, namun undang-undang dan peraturan negara mesti dipatuhi oleh semua pihak tanpa pengecualian.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

STEVEN SIM CHEE KEONG

MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

15 JANUARI 2026